

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TENGKU ZULPURI SHAH B. RAJA PUJI  
(RAUB)**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TENGKU ZULPURI SHAH B. RAJA PUJI** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dalam menghadapi era globalisasi ini, adakah pihak Kerajaan akan menukar atau menambahbaik Akta Dadah Merbahaya 1952 dan 1983, kerana ianya dilihat tidak lagi berkesan menghadapi ancaman perdagangan dadah serta kesan penagihannya dilihat semakin membimbangkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) memandang serius dan sentiasa komited menjalankan tanggungjawab untuk membanteras isu pengedaran, penyalahgunaan dan penagihan dadah di Malaysia.

Tindakan penguatkuasaan undang-undang ke atas individu atau sindiket pengedaran dadah sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa melalui peruntukan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952.

Selaras dengan perkembangan semasa berkaitan isu penyalahgunaan dadah dan substan, Kementerian sedang menyediakan Rang Undang-undang (RUU) bagi menggantikan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. RUU ini bertujuan untuk meningkatkan akses kepada rawatan dan pemulihan dadah dan substan serta memberi peluang kedua kepada penagih dan penyalah guna dadah bagi menjalani rawatan dan pemulihan di dalam institusi atau komuniti.